

Tangani sisa gegantung

Dawai, cebisan gegantung pada tiang lampu mudah dibuang dengan Skyridder

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com

Serdang: Kerja pembuangan sisa gegantung kini menjadi lebih mudah dengan kejayaan sekumpulan pereka cipta Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan alat khas dinamakan Skyridder.

Prototaip pertama yang berjaya dihasilkan dalam tempoh setahun itu menggunakan bahan terpakai daripada besi gegantung dalaman yang telah rosak di sekitar *Putra Science Park* (PSP), UPM.

Inovasi berkenaan dihasilkan oleh pasukan pereka cipta Langit Putra, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PSP, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, yang diketuai oleh Asrizam Esam.

Asrizam berkata, pihaknya mendapat inspirasi menghasilkan Skyridder bagi mencari penyelesaian masalah gegantung yang sering dipasang pada tiang lampu sekitar UPM untuk mempromosikan sesuatu program.

"Kaedah gantung menggunakan dawai dan tidak diurus de-



Langit Putra dari KIK PSP UPM yang berjaya menghasilkan inovasi Skyridder.

ngan baik menyebabkan banyak tinggalan dawai lama dan cebisan gegantung dibiarkan selepas tamat program berkenaan.

"Tinggalan dawai dalam tempoh lama menyebabkannya berkarat akibat teroksida dengan sebanyak 186 tiang lampu mempunyai masalah dawai berkarat yang mencemarkan pemandangan, imej dan persekitaran kampus," katanya.

Skyridder seberat 3.4 kilogram berfungsi memotong dawai hingga paras ketinggian lima meter dari permukaan tanah pada tiang lampu hanya dan mempunyai kaedah baharu bagi membolehkan pengguna melakukan kerja pemotongan.

Asrizam berkata, hasil kajian mendapati terdapat pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Ma-

jlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Daerah Hulu Selangor dan PBT lain mempunyai alat khas untuk membuang dawai untuk kegunaan sendiri.

Katanya, bagaimanapun, alat pemotong yang diimport itu masih mempunyai kelemahan daripada segi ketinggian aras capaian (kurang 4.5 meter), selain harganya mahal melebihi RM4,000 dan tiada produk seumpamanya dijual di pasaran tempatan.

"Banyak alatan diimport mempunyai ciri yang hampir sama tetapi digunakan bagi memotong ranting pokok dan kayu yang tidak mampu memotong dawai.

"Masalah itu dapat diatasi dengan adanya Skyridder yang dapat memotong dawai yang mempunyai ciri unik, pemegang yang panjang dan boleh laras keting-



Dengan adanya Skyridder membantu petugas memotong dawai gegantung banner yang ditinggalkan seterusnya membersihkan kawasan.

gian untuk memotong dawai pada aras tinggi tiang lampu tanpa menggunakan tangga serta harga yang agak murah iaitu antara RM100 hingga RM150 seunit," katanya.

Sementara itu, Pengarah PSP, Prof Dr Samsilah Roslan, berkata pujian harus diberikan kepada pegawai dan kakitangan PSP kerana berjaya menghasilkan inovasi yang mampu membantu menyelesaikan masalah masyarakat dan berpotensi untuk di-

komersialkan.

"Mereka bukan sahaja membantu dalam penggalakkan budaya inovasi di UPM tetapi boleh menjadi teladan sebagai pereka cipta," katanya.

Selain Asrizam, kumpulan itu turut dianggotai oleh Mohamad Hisham Omar, Muhammad Izzat Nor Adzmi, Mohd Mas'Ataillah Ismail, Norliyana Kamarudin, Hafliza Hussin, Norazlin Monir dan Shahrman Hashim selaku fasilitator.